

HARI :	SELASA
TARIKH :	23/7/2019
M/SURAT :	10

## Hentikan penjualan vape, ghost smoke kepada murid – TPM

**PUTRAJAYA 22 Julai** - Penjualan vape dan gula-gula *ghost smoke* yang mengeluarkan asap seakan-akan rokok dalam kalangan murid sekolah perlu dihentikan segera.

Menyifatkannya sebagai suatu penyakit sosial, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, kerajaan tidak mahu gejala itu menular dalam kalangan kanak-kanak.

Dalam masa sama, beliau menegaskan, golongan ibu bapa perlu memainkan peranan dengan meningkatkan kemahiran keibubapaan serta memantau anak-anak dengan lebih rapi agar tidak terjebak dengan gejala terbabit.

Menurutnya, beliau juga tidak menolak kemungkinan penggunaan vape serta *ghost smoke* dalam kalangan murid sekolah boleh menjadi permulaan kepada dadah.

“Kita mahu benda ini dihentikan, bukan sahaja (menerusi tindakan) pihak Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tetapi

juga keibubapaan.

“Sebagai ibu bapa, kita menekankan elemen keibubapaan merangkumi kemahiran, tanggungjawab dan juga bagaimana mendidik anak-anak. Kita juga lihat pemantauan anak kita mesti dipertingkatkan dan ditekankan,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Wacana Ilmu Sri Satria di sini hari ini.

Laporan khas *Mingguan Malaysia* semalam mendedahkan gejala menghisap vape dalam kalangan pelajar kian serius malah seperti tidak terkawal berikutan trend membimbangkan itu sudah melarat ke peringkat sekolah rendah.

Pelajar dilaporkan bukan sahaja berani menghisap vape di kawasan awam atau khalayak ramai tetapi juga membawa alat itu ke sekolah.

Kelmarin pula, media melaporkan kebimbangan ibu bapa berhubung penjualan gula-gula *ghost smoke* secara berleluasa di daerah Papar dan Kota Kinabalu, Sabah yang dibeli pelajar sekolah.